

Kekuatan UMNO kunci menangi pilihan raya

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun – Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam taklimat Presiden UMNO hari ini memberi ingatan kepada semua pemimpin parti bahawa hanya dengan kekuatan sahaja UMNO dapat memenangi pilihan raya akan datang.

Menurutnya, pilihan raya akan datang merupakan cabaran terdekat UMNO di mana parti itu perlu berdepan dengan rakyat.

Beliau berkata, bagi memastikan UMNO kuat, pemimpin UMNO harus mengutamakan kepentingan parti dari individu, puak atau kumpulan.

“Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad dalam taklimatnya menekankan bahawa hanya dengan kesedaran sahaja akan memberi kekuatan kepada UMNO.

“Melalui kekuatan itu, UMNO akan disokong dan didokong serta ini membolehkan kita berdepan dengan cabaran-cabaran masa hadapan.

“Cabaran terdekat UMNO ialah menghadapi

pilihan raya umum,” katanya selepas mendengar taklimat Dr. Mahathir kepada pemimpin UMNO sempena Perhimpunan Agung UMNO 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata, ini bermakna usaha UMNO selama ini untuk mendekati dan mendampingi rakyat hendaklah diteruskan.

Menurutnya, dengan cara itu UMNO dapat membela ahli-ahlinya, agama, bangsa dan tanah air.

“UMNO hendaklah meneruskan usahanya selama ini dalam mendampingi rakyat.

“Usaha itu juga perlu dipertingkatkan supaya dapat menghadapi apa jua cabaran terutama ketika berdepan dengan rakyat,” katanya.